



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Persisi jelaskan syarat jalani ujian Sukan SEA

Berita Harian, 18 March 1997, Page 11

Article also available on Microfilm Reel NL21017

Printer-Friendly Page

Persisi jelaskan syarat jalani ujian Sukan SEA

SILAT Oleh | MOHD SANI ALI

HANYA para pesilat nasional layak menjalani ujian untuk pemilihan bagi mewakili Singapura ke Sukan SEA Jakarta, yang akan berlangsung dalam Oktober ini.

Ketetapan itu telah disampaikan oleh Setiausaha Agung Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Jamaludin Jamil, kepada *Berita Harian* ketika mengulas mengapa pihaknya tidak melayan permintaan bekas juara dunia, Badriah Hosni, untuk menyertai ujian Sukan SEA.

Menurut Jamaludin, yang juga Pengurus Umum Skuad Nasional, pihaknya tidak dapat menerima permintaan Badriah kerana pesilat itu bukan merupakan anggota Skuad Nasional ketika ini.

"Persisi hanya mengadakan ujian ke atas pesilat-pesilat Skuad Nasional untuk pemilihan ke Sukan SEA yang akan datang," katanya.

Persisi juga, tambah beliau, telah mengadakan ujian pertamanya ke atas anggota Skuad Silat Nasional pada 20 dan 23 Februari lalu, bagi pemilihan peserta ke Kejohanan Silat Dunia yang akan berlangsung di Kuala Lumpur dari 22 hingga 30 April ini.

Seramai 49 orang peserta telah diundang untuk ujian pemilihan bagi kategori wira-laga (silat olahraga), wiragana (perseorangan), wirasanggha (bahagian berpasukan), wiraloka jurus wajib dan wiraloka jurus bebas — untuk kejohanan dunia itu.

Bagaimanapun, Jamaludin berkata bahawa kedudukan Badriah masih boleh dipertimbangkan kerana pesilat itu pernah mewakili negara ke Sukan SEA 1987 di Jakarta, 1989 di Kuala Lumpur, 1993 di Singapura dan Sukan SEA Chiangmai 1995.

"Ini merupakan antara syarat yang kami pertimbang-

kan untuk ujian pemilihan," katanya sambil menambah: "Seseorang pesilat itu dikehendaki menjadi anggota Skuad Nasional ketika ini atau bekas anggota."

Jamaludin, bagaimanapun, menyatakan: "Oleh itu, seandainya Badriah ingin menyertai ujian pemilihan Sukan SEA, beliau perlu membuat permohonan secara rasmi kepada Persisi."

Jamaludin juga menyatakan adalah di luar bidang kuasanya untuk menerima pesilat tersebut menyertai ujian Sukan SEA kerana permohonan perlu mendapat pengesahan terlebih dahulu daripada Jawatankuasa Pentadbiran Persisi.

Setiausaha Agung Persisi itu juga menyatakan beliau telah memaklumkan mengenai kedudukan tersebut kepada Badriah sebelum pesilat itu pulang ke Switzerland.

Beliau juga menjelaskan bahawa pihaknya telah menerima surat rasmi daripada perguruan silat Alhak bertanyakan mengenai kedudukan pesilatnya untuk tampil dalam ujian tersebut.

"Buat masa ini, secara peribadi saya tidak dapat menyatakan mengenai kedudukan perkara itu kerana ia terserah kepada Jawatankuasa Pentadbiran Persisi untuk memutuskannya," kata Jamaludin lagi.

Difahamkan Jawatankuasa Pentadbiran Persisi akan mengadakan sidang bulanan pada hujung bulan ini.

Menurut setiausaha agung badan silat itu, pihaknya mungkin akan menimbangkan permohonan Badriah.

Buat ketika ini, Badriah telah pun pulang ke Switzerland, tempat kediamannya selepas berumahtangga dalam September 1995.



MASIH ADA HARAPAN: Kedudukan Badriah boleh dipertimbang kerana pernah wakili negara.